

“Usaha yang halal itu lebih berat daripada memindah bukit ke atas bukit.” (Ibnu Abbas)



# 4 tip Bisnes

Prof. Madya Dr. Aemadi  
Mohamed Naim,  
Dengan Pusat Perniagaan Islam (PBS),  
UUM

**T**idak semua amalan muamalat (urusniaga) mas kini bertentangan dengan Islam. Sebab itu kaedah fiqh menyebut: *al-asli fi al-mu'amalat al-ibahah* iaitu hukum asal pada muamalat ialah harus, kecuali ada dalil yang menunjukkan perkara tersebut haram.

**Q** Apakah syarat muamalat berpahala dan berpahalakah mengamalkan urusniaga Islam sekiranya saya mahukan nilai komersial sahaja?

**A** Untuk menjadikan urusniaga kita itu berpahala dan bukan terhad untuk mendapatkan keuntungan, kita perlu menetapkan perkara-perkara berikut ketika kita memilih

muamalat secara Islam:

**1** Kita adalah hamba Allah. Sebagai hamba, kita menyedari kita mempunyai Tuhan. Apabila kita menyedari kita hamba Tuhan, kita tunduk kepada suruhan Tuhan. Tuhan kita ialah Allah ﷻ yang telah menyediakan kepada kita panduan-panduan menerusi wahyu-Nya. Justeru kita menyedari bahawa di sana ada perkara-perkara haram, harus dan syubhat ketika berurusniaga. Demikian juga, ada pula rezeki yang diklasifikasikan sebagai rezeki yang halal atau haram. Ada pula urusniaga yang sah serta halal yang perlu menjadi amalan kita, manakala urusniaga batil dan haram, atau sah tetapi haram perlu dijauhkan sama sekali.

**2** Kita juga perlu meyakini, bahawa Islam yang kita anuti ini bukan semata-mata Islam dalam ibadah khusus seperti solat, puasa dan haji sahaja. Islam sebenarnya adalah satu cara hidup. Kita perlu mengimani Islam itu sebagaimana firman Allah ﷻ : “Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhan dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan, sesungguhnya (syaitan itu) untukmu adalah musuh yang amat nyata.” (Al-Baqarah 2: 208)

**3** Dalam bermuamalat dan berekonomi, Islam menyuruh kita supaya menjauhi elemen-elemen yang terlarang.

**Q** Apakah perkara yang dilarang di dalam sesuatu urusniaga?

**A** Perkara yang dilarang adalah seperti berikut:

**1** Makan harta dengan cara yang zalim dan batil

Firman Allah ﷻ: “... untuk kamu makan harta manusia dengan cara yang berdosa.” (Al-Baqarah 2: 188)

**2** Jauhi riba yang dilarang secara jelas sebagaimana dalam firman Allah ﷻ: “Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.” (Al-Baqarah 2: 275)

**3** Jauhi elemen perjudian Firman Allah ﷻ: “Mereka bertanya kanmu

**Urusniaga Islam bukan setakat berbeza dari sudut amalan sahaja tetapi ia juga berbeza bermula daripada roh, falsafah dan konsep yang mendasari sistem tersebut.**

(wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah (wahai Muhammad) pada kedua-duanya dosa besar dan faedah-faedah untuk manusia, dan dosa kedua-duanya adalah lebih besar daripada faedah-faedahnya.” (Al-Baqarah 2: 219)

**4** Jauhi urusniaga yang penuh dengan unsur gharar (ketidakpastian) dan jahalah (spesikasi yang kabur)

Sebagaimana larangan yang disebutkan dalam hadis-hadis berkaitan larangan berurusniaga secara gharar dan jahalah.

Itulah panduan-panduan yang telah digariskan oleh syariat Islam untuk kita laksanakan ketika kita berekonomi dan bermuamalat. Urusniaga Islam bukan setakat berbeza dari sudut amalan dan praktisnya

sahaja, tetapi perbezaan bermula daripada roh, falsafah dan konsep yang mendasari sistem itu sendiri.

Insyaa-Allah, sekiranya kita diberikan hidayah dan taufik-Nya, kita dapat mempraktikkannya dalam kehidupan kita, dan pada waktu itu kita sebenarnya telah berupaya menjadikan sebahagian besar kehidupan kita mengikut lunas-lunas Islam. Percayalah, banyak keberkatan yang kita akan perolehi dengan mengamalkan sistem muamalat secara Islam. ﷻ

**Q** Bolehkah wanita mewarisi kesemua harta pusaka tanpa waris lelaki?

**A** Dalam kes tertentu, wanita boleh mewarisi kesemua harta pusaka tanpa kehadiran waris lelaki. Ini berlaku dalam keadaan di mana seorang mati meninggalkan anak perempuan dan adik beradik perempuan samada seibu, seayah atau sebapa. Mengikut hukum, anak perempuan itu menerima 2 bahagian daripada harta pusaka, manakala adik beradik perempuan menerima 1 bahagian. (Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia)

1 anak perempuan	½	½
1 saudara perempuan seibu sebapa	Asabah	½

**QA HIGHLIGHT**

Sumber: Ustaz Wan Abd Halim